

Perbandingan Panduan dan Peraturan Akademik dengan Kaedah UPSI (Perkara Akademik) 2008

Catatan : * warna biru – perubahan yang berlaku

Panduan dan peraturan akademik	Kaedah UPSI (Perkara Akademik) 2008
PENGIJAZAHAN	
<p>Struktur Pengajian Empat Tahun (SPET) – 127 Kredit</p> <p>1. Syarat-syarat Penganugerahan Ijazah Pelajar diwajibkan mendaftar dan lulus dengan 127 kredit yang meliputi kursus-kursus Universiti, asas pendidikan, major, minor dan praktikum seperti berikut :-</p>	<p>1. Syarat-syarat Bergraduat</p> <p>1.1 Memenuhi jumlah kredit bagi struktur program pengajian.</p> <p>1.2 Mencapai PNGK 2.00 ke atas;</p> <p>1.3 Memenuhi apa-apa peraturan program, jika ada;</p> <p>1.4 Diperakui supaya diberi diploma atau ijazah oleh Senat;</p> <p>1.5 Tidak disabitkan dengan kesalahan tata tertib;</p> <p>1.6 Tertakluk kepada perkara 1.5, jika pelajar semester akhir yang dalam siasatan kesalahan tata tertib, pelajar tersebut akan ditangguhkan daripada bergraduat sehingga selesai perbincangan ke atasnya.</p>

Jadual 3 : Struktur Pengajian Empat Tahun (SPET)

STRUKTUR 127	SESI KEMASUKAN
KOMPONEN	2006/2007 2007/2008
KURSUS-KURSUS UNIVERSITI	
TITAS	2
HUBUNGAN ETNIK	2
BAHASA MELAYU PROFESIONAL	2
COMMUNICATIVE ENGLISH I	2
COMMUNICATIVE ENGLISH II	2
KO - KURIKULUM	3
PENGANTAR ETIKA	2
PEMIKIRAN STRATEGIK DAN INOVATIF	2
ASAS TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI	3
BIMBINGAN DAN PENASIHATAN	2
JUMLAH	22
KURSUS-KURSUS PENDIDIKAN	
FALSAFAH PENDIDIKAN DAN KURIKULUM	3
SOSIOLOGI PENDIDIKAN	3
PSIKOLOGI PENDIDIKAN	3
PEDAGOGI PENDIDIKAN	3
PENGUJIAN,PENGUKURAN DAN PENILAIAN PENDIDIKAN	3
REKABENTUK INSTRUKSIONAL DAN TEKNOLOGI	3
JUMLAH	18
MAJOR	53
MINOR	24
PRAKTIKUM	10
JUMLAH KESELURUHAN	127

1.7 Semua pelajar yang mendapat *Malaysian University English Test (MUET)* pada tahap *band 2 dan ke bawah*, wajib lulus *Kursus General English*.

1.8 Universiti mempunyai hak untuk menukar syarat-syarat bergraduasi pada bila-bila masa sahaja.

Catatan : Untuk Struktur Pengajian Empat Tahun (Spet)

- Syarat Pengijazahan**
- Semua pelajar diwajibkan mengambil 4 kredit kursus Bahasa Inggeris dan lulus setiap kursus ini sekurang- kurangnya pada Gred C.
 - Semua pelajar diwajibkan lulus MUET pada band 4 untuk program TESL dan band 2 untuk program lain.

2. Pengurniaan Ijazah

Seseorang pelajar hendaklah memenuhi semua syarat berikut untuk dikurniakan Ijazah Sarjanamuda Pendidikan dengan Kepujian:

- a. Mencapai PNGK 2.00 atau ke atas;
- b. Memenuhi semua kehendak syarat seperti perkara 4.1 di atas;
- c. Memenuhi apa-apa peraturan program, jika ada;
- d. Memenuhi semua kehendak Kaedah Ijazah Sarjanamuda dengan Kepujian
- e. Diperakui supaya diberi ijazah berkenaan oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan disahkan oleh Senat;
- f. Menjelaskan segala bayaran yang ditetapkan.

2. Anugerah Kecemerlangan

Pelajar akan menerima Anugerah, Pingat Emas dan Hadiah Buku berikut tertakluk kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Universiti iaitu :-

2.1 Anugerah Pelajaran DiRaja

Dianugerahkan kepada pelajar yang mencapai kecemerlangan dalam bidang-bidang berikut:-

- (i) Akademik (PNGK 3.75 – 4.00)
- (ii) Sumbangan kepada masyarakat
- (iii) Ciri-ciri Kepimpinan
- (iv) Keperibadian/Kerohanian
- (v) Sosio Ekonomi
- (vi) Lain-lai

3. Kelas Kepujian

Pelajar yang layak akan menerima Ijazah Sarjanamuda Pendidikan dengan Kepujian mengikut kelas kepujian berasaskan PNGK berikut:-

Kelas Pertama	3.75 – 4.00
Kelas Kedua Atas	3.00 – 3.74
Kelas Kedua Bawah	2.00 – 2.99

4. Ijazah-Ijazah yang Dianugerahkan

Contoh Ijazah-ijazah yang dianugerahkan adalah seperti berikut :-

- 4.1 Ijazah Sarjanamuda Pendidikan (Muzik) dengan kepujian Kelas Pertama
- 4.2 Ijazah Sarjanamuda Pendidikan (Matematik) dengan kepujian Kelas Kedua Atas
- 4.3 Ijazah Sarjanamuda Pendidikan (Sains Sukan) dengan kepujian Kelas Kedua Bawah

5. Majlis Konvokesyen

Pelajar akan dimaklumkan secara bertulis mengenai tarikh, masa dan tempat konvokesyen.

2.2 Pingat Emas Canselor

Seorang pelajar yang terbaik di dalam bidang akademik dan mempunyai kebolehan untuk memimpin daripada kalangan pelajar.

2.3 Pingat Emas Lembaga Pengarah Universiti

Seorang pelajar yang mempunyai keterampilan dalam kepimpinan.

2.4 Pingat Emas Naib Canselor

Pelajar yang mempunyai kecemerlangan dalam bidang akademik bagi setiap fakulti dengan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.75.

2.5 Hadiah Buku Fakulti

Hadiah Buku Fakulti akan diberikan kepada pelajar terbaik daripada setiap program dengan pencapaian Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) sekurang-kurangnya 3.50.

	<p>3. Ijazah dan Transkrip</p> <p>3.1 Ijazah, transkrip dan salinan rekod akademik atau maklumat yang berkaitan tidak akan dikeluarkan sekiranya pelajar masih mempunyai apa-apa hutang dengan universiti termasuk bayaran denda seperti dalam <u>Jadual III.</u></p> <p>3.2 Pelajar boleh mendapatkan apa-apa salinan dokumen yang dibenarkan oleh universiti berkaitan pengijazahan dengan membuat bayaran mengikut kadar yang ditetapkan.</p> <p>3.3 Tertakluk kepada perkara 3.2, pelajar boleh mengemukakan permohonan dengan melampirkan dokumen sokongan daripada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan.</p>
--	---